



TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD. YUSOF
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

**PERASMIAN DEBATON PARLIMEN 2019
(*PARLIAMENTARY DEBATHON 2019*)**

**PADA
7 SEPTEMBER 2019 (SABTU), 8.00 MALAM
BERTEMPAT DI DEWAN PERSIDANGAN, PARLIMEN MALAYSIA**

Bismillahir Rahmaanir Rahiim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

(Salutations)

Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang

Ahli Parlimen Iskandar Puteri;

Yang Berhormat Tuan Fahmi Fadzil

Ahli Parlimen Lembah Pantai;

Yang Berbahagia Datuk Kamis Samin

Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia;

Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah

Setiausaha Dewan Rakyat;

Yang Berusaha Tuan Premesh Chandran

Ketua Pegawai Eksekutif MalaysiaKini;

Yang Berusaha Tuan Steven Gan

Ketua Editor Kanan MalaysiaKini;

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Para Pendebat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, Rakan-rakan Media dan seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian.

Pertama, saya ingin ucapkan selamat datang kepada anda semua ke Parlimen Malaysia dan ke program Debaton malam ini. Saya amat berbesar hati kerana telah diberikan ruang dan

peluang untuk merasmikan acara yang bersejarah ini iaitu **Debaton Parlimen 2019** yang merupakan program yang pertama kali diadakan di Parlimen Malaysia, yang mana dianjurkan bersama oleh Malaysiakini dan Kini Events, dan Parlimen Malaysia, dengan disokong oleh Kementerian Pendidikan jua.

Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Tajuk Debaton malam ini amat menarik: "*Pekerja Prekariat Dalam Ekonomi Gig*". Program Debaton ini diusahakan pada awalnya oleh Kini Events dan MalaysiaKini untuk menarik penglibatan pembahas-pembahas muda yang berbakat. Sebagai mewakili Parlimen Malaysia, khususnya Dewan Rakyat, saya amat sukacita idea asalnya telah diperkemas dalam format yang mempunyai kelainannya tersendiri. Dari bentuk format debat biasa, berdasarkan corak "*Presidential Debate*", ia bertukar menjadi cantuman antara proses perbincangan dan proses soal jawab yang mirip kepada apa yang lazimnya berlaku dalam persidangan Parlimen, dengan rentak dan kepantasan yang menarik. Lengkap dengan had masa yang ditetapkan, dan penyertaan penyokong-penyokong atau pencelah pasukan di dalam dan di luar Dewan Perbincangan melalui media interaktif.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Parlimen ini sekarang merupakan Parlimen di era Malaysia yang baru. Parlimen yang **lebih terbuka dan lebih merangkul** penglibatan masyarakat dan rakyat dengan lebih strategik. Sebagai makluman kepada semua yang hadir pada malam ini, Parlimen Malaysia telah menganjurkan banyak program dan aktiviti seperti seminar, bengkel termasuk simposium dengan kerjasama daripada pelbagai pihak yang terdiri daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi masyarakat madani (CSO) bagi memenuhi maksud tersebut.

4. Pejabat Yang di-Pertua Dewan Rakyat juga telah mengambil inisiatif untuk mendekati masyarakat dengan menghidupkan apa yang dijenamakan sebagai **Siri Syarahan Yang di-Pertua (*Speaker's Lecture Series*)** yang mana telah dijalankan sebanyak 2 kali dan kali yang ke-3 akan berlangsung pada bulan September ini juga. Bagi memperkasakan lagi penyertaan rakyat, khususnya bakal-bakal pengundi muda, kami berbesar hati kerana dapat menyumbang sedikit sebanyak ke arah tujuan ini dengan kerjasama pihak Malaysiakini dan Kini Events dan disokong oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian,

5. **Debaton Parlimen 2019** yang diadakan pada malam ini juga merupakan siri pertama yang dianjurkan selain 3 lagi siri yang akan dijalankan masing-masing di Johor, Pulau Pinang dan Sabah. Pemilihan tajuk yang akan dibahaskan juga adalah sesuai dan bertepatan dengan kehendak dan tuntutan masa kini yang mana ianya dibuat melalui

perbincangan dan deliberasi dengan pihak **Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan Parlimen Malaysia**.

6. Paling menarik, saya turut diberitahu bahawa salah seorang pendebat yang telah dipilih dan disaring untuk menyertai Debaton ini adalah seorang **pelajar sekolah menengah!** Maka sudah tentu **Debaton Parlimen 2019** ini juga telah bersedia untuk menyahut inisiatif Kerajaan menurunkan had umur mengundi dan kelayakan untuk bertanding dalam pilihan raya kepada **18 tahun!** Oleh itu, saya mengambil kesempatan di sini untuk memberikan nasihat kepada pendebat atau pembahas supaya jagalah adab dan tatatertib ketika berbahas selaras dengan **Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan** yang saya percaya telah diajarkan dengan baik kepada anda.

Hadirin sekalian,

7. Melangkah ke bahagian akhir ucapan saya, suka untuk saya kongsi di sini bahawa Parlimen Malaysia akan meraikan sambutan **60 tahun** persidangannya pada **11 September** ini. Maka sudah tentu kita harus meraikannya dengan sambutan yang selayaknya dan saya berpandangan bahawa penganjuran **Debaton Parlimen 2019** ini adalah satu permulaan yang sangat baik dan bermakna bagi meraikan sambutan tersebut.

8. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Malaysiakini dengan kerjasama Parlimen Malaysia serta rakan-rakan kolaboratif dan media daripada pelbagai pihak yang telah berpadu tenaga untuk sama-sama menjayakan agenda pembangunan anak bangsa ini. Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja sokongan di belakang tabir yang telah bertungkus-lumus menyiapkan keperluan teknikal bagi melancarkan perjalanan program pada hari ini.

9. Akhirkata, dengan lafaz yang mulia, Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Debaton Parlimen 2019**.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.